



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Blok C1 - C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-80008000

Faks(Fax) : 603-888892189

Laman Web (Web) : www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA(I) 031102140541

Tarikh : 10/09/2024

WONG MING DAO
15,JALAN DAMAI PERDANA,1/4H BANDAR DAMAI PERDANA
56000 CHERAS
SELANGOR

Saudara/Saudari,

TAWARAN PINJAMAN PELAJARAN PERSEKUTUAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Sukacita dimaklumkan saudara / saudari ditawarkan Pinjaman Pelajaran Persekutuan bagi mengikuti pengajian seperti butiran yang berikut:

BIDANG : SAINS
KURSUS : SARJANA MUDA SAINS GUNAAN TEKNOLOGI BAHAN DENGAN KEPUJIAN
PERINGKAT PENGAJIAN : IJAZAH PERTAMA
INSTITUSI : UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH (UMPSA)
TARIKH KUAT KUASA PINJAMAN : SEPTEMBER 2024 HINGGA JULAI 2027
TEMPOH PINJAMAN : 35 BULAN
PROGRAM : PROGRAM IJAZAH DALAM NEGARA TAHUN 2024

2. Tawaran pinjaman adalah tertakluk kepada pematuhan saudara / saudari ke atas syarat-syarat yang berikut:

- 2.1 Lulus pemeriksaan kesihatan; dan
- 2.2 Tawaran ini adalah tertakluk kepada ahli keluarga saudara / saudari tidak tersenarai hitam dalam mana-mana program penajaan JPA. Sekiranya didapati ahli keluarga saudara / saudari disenarai hitamkan, tawaran ini boleh ditarik balik.

SYARAT-SYARAT TAWARAN

3. Saudara / saudari dikehendaki mematuhi syarat-syarat tawaran sebagaimana yang telah ditetapkan di **LAMPIRAN A**. Syarat-syarat tawaran ini merupakan sebahagian daripada **Surat Tawaran** dan hendaklah dibaca bersama-sama **Perjanjian Pinjaman Pelajaran Persekutuan** yang ditandatangani di antara Pelajar, Penjamin dan Kerajaan secara dalam talian.

Peneraju Pembaharuan, Penggerak Perubahan
Leading Reform, Driving Change



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2015
NO. SUJIL : QMS01894

ELAUN DAN KEMUDAHAN

4. Bayaran Pinjaman Pelajaran Persekutuan adalah meliputi bayaran yuran pengajian, elaun dan lain-lain kemudahan yang ditetapkan oleh Kerajaan.
5. Bayaran elaun dan lain-lain kemudahan yang layak diterima oleh saudara / saudari akan mula dibuat setelah penerimaan tawaran pinjaman ini oleh saudara / saudari dan pendaftaran pengajian di institusi pengajian selesai disempurnakan.
6. Bayaran akan dibuat sepanjang tempoh pinjaman atau sehingga saudara / saudari menamatkan tempoh pengajian dengan jayanya atau mana-mana yang terdahulu mengikut pengiraan yang ditetapkan. Kerajaan berhak memberhentikan pinjaman sekiranya tawaran saudara / saudari ditamatkan atas sebab melanggar mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam Surat Tawaran ini dan Perjanjian Pinjaman Pelajaran Persekutuan.
7. Nilai Pinjaman adalah berdasarkan jumlah **KOS SEBENAR** yang dikeluarkan oleh Kerajaan dalam tempoh pengajian saudara / saudari yang mana akan ditentukan melalui pengiraan akhir lejer sebaik sahaja saudara / saudari menyempurnakan pengajian.

PENERIMAAN TAJAAN LAIN

8. Saudara / saudari tidak dibenarkan untuk menerima apa-apa bentuk tajaan lain sepanjang tempoh pinjaman.
9. Kerajaan berhak menamatkan pinjaman ini menurut pelanggaran dan penamatan perjanjian yang diperuntukkan dalam Perjanjian Pinjaman Pelajaran Persekutuan. Sekiranya saudara / saudari didapati menerima pinjaman lain selepas penerimaan tawaran pinjaman atau menarik diri dari pengajian, saudara / saudari dikehendaki membayar balik keseluruhan jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan sekiranya penamatan perjanjian dilaksanakan.
10. Sekiranya saudara / saudari telah pun menerima pinjaman lain sebelum Pinjaman Pelajaran Persekutuan ditawarkan, saudara / saudari dikehendaki menamatkan perjanjian dengan penaja lain tersebut dan bertanggungjawab untuk menguruskan proses penamatan dengan penaja lain dengan kadar segera setelah bayaran elaun pertama JPA dikreditkan ke akaun saudara / saudari.

PERMOHONAN PENGURANGAN / Pengecualian BAYARAN BALIK PINJAMAN

11. Saudara / saudari layak untuk mendapatkan pengurangan / pengecualian bayaran balik pinjaman berdasarkan keadaan yang berikut:
 - (i) Pengecualian bayaran balik pinjaman layak diberikan sekiranya saudara / saudari berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan / Negeri setelah tamat pengajian;
 - (ii) Pengurangan bayaran balik pinjaman sebanyak 75% daripada keseluruhan jumlah Nilai Pinjaman sekiranya saudara / saudari berkhidmat dengan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) setelah tamat pengajian; atau
 - (iii) Pengurangan bayaran balik pinjaman sebanyak 50% daripada keseluruhan jumlah Nilai Pinjaman sekiranya saudara / saudari berkhidmat dengan syarikat swasta dalam negara setelah tamat pengajian.

Peneraju Pembaharuan, Penggerak Perubahan

Leading Reform, Driving Change



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2015

NO. SIJIL : QMS01894

12. Saudara / saudari tidak layak mendapat pengurangan/pengecualian bayaran balik pinjaman sekiranya saudara / saudari berkhidmat dengan majikan selain daripada Kerajaan, syarikat berkaitan Kerajaan atau syarikat swasta dalam negara. Dalam keadaan ini, saudara / saudari dikehendaki membuat bayaran balik pinjaman secara penuh kepada Kerajaan.

PELANGGARAN PERJANJIAN DAN SYARAT-SYARAT TAWARAN

13. Surat tawaran ini hendaklah dibaca bersama-sama syarat-syarat tawaran di Lampiran A dan Perjanjian Pinjaman Pelajaran Persekutuan. Sekiranya saudara / saudari melakukan pelanggaran terhadap mana-mana peruntukan dalam Surat Tawaran, syarat-syarat tawaran di Lampiran A dan Perjanjian Pinjaman Pelajaran Persekutuan, saudara / saudari dikehendaki membayar balik keseluruhan Nilai Pinjaman.

HAK KERAJAAN

14. Apa-apa pertimbangan yang perlu dilakukan oleh Kerajaan adalah tertakluk kepada peruntukan yang terkandung dalam Surat Tawaran ini dan Perjanjian Pinjaman Pelajaran Persekutuan serta keputusan dasar Kerajaan dari semasa ke semasa. Kerajaan tidak terikat untuk meluluskan sebarang permohonan yang diterima walaupun permohonan tersebut memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

15. Kerajaan boleh membuat sebarang pindaan, ubah suai atau perubahan kepada tawaran Pinjaman ini pada bila-bila masa termasuklah syarat dan jumlah pinjaman yang diluluskan.

16. Kerajaan berhak, melalui pemakluman secara notis bertulis kepada saudara / saudari, menggantung, memberhentikan atau menarik balik tawaran Pinjaman Pelajaran Persekutuan ini sekiranya didapati terdapat keperluan.

PENERIMAAN TAWARAN

17. Sekiranya saudara / saudari bersetuju menerima tawaran ini, sila klik bersetuju di Pengesahan Penerimaan dan lengkapkan Perjanjian Pinjaman Pelajaran Persekutuan melalui Sistem Penawaran Tajaan JPA (ePenawaran) di <https://bmipenajaan.jpa.gov.my/ms/> selewat-lewatnya pada **22/09/2024** atau apa-apa tarikh lain yang dipersetujui oleh Kerajaan secara bertulis.

18. Sekiranya dokumen tersebut tidak dilengkapi dalam tempoh tersebut, saudara / saudari dianggap menolak tawaran dan surat tawaran ini akan terbatal dengan sendirinya.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Bahagian Pembangunan Modal Insan
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

***Surat cetakan komputer ini tidak memerlukan sebarang tandatangan.**

Peneraju Pembaharuan, Penggerak Perubahan
Leading Reform, Driving Change



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2015

NO. SIJIL : QMS01894